

**Khairy, sambil menyelam minum air...  
Malaysiakini.com  
Jun 20, 2007  
Nash Rahman & Muda Mohd Noor**

Dalam politik istilah 'tanggapan' adalah amat penting. Begitu juga halnya dengan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin yang dianggap 'berkuasa' dalam kerajaan dan dalam parti kerana dia merupakan menantu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dan tanggapan itu nampaknya seperti berasas. Selepas pilihanraya umum 2004, Khairy dikatakan berjaya 'memujuk' bapa mentuanya itu yang juga Presiden Umno, supaya membuka ruang kepada pemimpin muda memegang jawatan penting dalam pentadbiran pusat dan negeri.

Ekoran itu, sebilangan pemimpin muda mendapat tempat. Contohnya, di Kedah, Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Azimi Daim dilantik sebagai ahli Exco kerajaan negeri. Begitu juga dengan bekas exco Pemuda Umno, Datuk Dr Zamry Abd Kadir di Perak manakala Datuk Dr Adham Baba dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi.

Maka tanggapan orang ramai, khususnya di kalangan Umno dan Pemuda Umno, ia adalah hasil usaha Khairy. Pada tanggapan mereka, Khairy boleh mempengaruhi Perdana Menteri.

Sehubungan itu, di mata golongan muda dalam Umno, ini merupakan satu kejayaan Khairy yang amat bermakna, khususnya kepada masa depan kepimpinan dalam pergerakan Pemuda Umno sendiri.

Lantaran itu, Khairy kemudiannya tiada masalah untuk menyandang jawatan naib ketua Pemuda Umno tanpa bertanding. Seheinggakan, ketua pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Hussein turut menjanjikan jawatan ketua Pemuda Umno kepada Khairy dalam pemilihan parti itu yang akan datang.

Kepada pemimpin lama dalam Umno dan kerajaan, Khairy dilihat sebagai satu 'ancaman'. Tetapi kepada golongan muda, menantu Perdana Menteri itu dilihat sebagai 'pembuka jalan' untuk peralihan kuasa dalam Umno - kepada golongan pelapis, yang sudah tentunya golongan muda.

### **Penasihat dan kumpulan pemikir**

Golongan pemimpin lama bertambah bimbang dengan wujudnya 'penasihat' dan kumpulan pemikir di tingkat empat Pejabat Perdana Menteri yang diketuai oleh Khairy sendiri. Mereka ini dikatakan bertanggungjawab di sebalik keputusan yang dibuat oleh kerajaan.

Mengikut pandangan satu sumber yang rapat dengan Umno, tanggapan seumpama secara tidak langsung telah membantu Khairy naik mudah dalam hirarki parti. Terbaru ialah tanggapan bahawa Khairy sedang berusaha untuk menyenaraikan seramai mungkin pemimpin muda dalam senarai calon Umno dalam pilihanraya umum akan datang.

"Memang ada yang berlaku hasil usaha Khairy tetapi ada juga yang berlaku secara kebetulan dan Khairy yang mendapat nama," katanya.

Menurutnya lagi, sebagai menantu Abdullah, Khairy berada dalam 'lingkungan kekeluargaan'

Perdana Menteri dan mempunyai akses kepada banyak maklumat yang tidak mungkin diketahui orang luar.

"Berebalkan maklumat itulah Khairy dilihat lebih mengetahui dan lebih matang daripada yang lain, termasuk dalam urusan pentadbiran negara. Bagi mereka, apa yang Khairy cakup kemudiannya menjadi kenyataan. Ini mendorong sesetengah pihak menganggap itu adalah idea dari Khairy yang kemudiannya diterima oleh Perdana Menteri," katanya.

Sumber itu berkata, tanggapan seumpama sememangnya tidak adil terhadap Perdana Menteri dan Khairy sendiri, "tetapi itulah realitinya yang membolehkan Khairy menjadi satu daya tarikan kepada golongan pemuda dalam Umno".

Sumber itu berpendapat, segala tindak-tanduk Khairy adalah lebih kepada membantu Perdana Menteri yang tidak mempunyai asas sokongan yang kuat dalam Umno, berbanding dengan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

### **Tidak pernah dicabar**

Najib telah berjaya membina rangkaian sokongan yang padu di peringkat atasan dan akar umbi kerana perjalanan politik beliau agak baik - sejak menjadi ketua Pemuda Umno - di mana beliau tidak pernah dicabar - hinggalah apabila menjadi naib presiden Umno yang mendapat undi terbanyak dan kini sebagai timbalan presiden Umno dan timbalan perdana menteri.

Sewaktu menjadi pemimpin Pemuda, Najib telah berjaya menjalin jaringan sokongan dari golongan muda dalam parti. Manakala sebagai anak kepada bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Najib mendapat sokongan dan simpati daripada golongan senior dan veteran dalam Umno.

Sedangkan karier Abdullah 'terumbang-ambing' dalam Umno sehinggalah Tun Dr Mahathir Mohamad melantik beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998, dan kemudiannya menggantikan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri pada 2003.

"Pastinya, Khairy tidak mahu Pak Lah menerima nasib yang sama menimpa Allahyarham Tun Ghafar Baba yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas Tun Musa Hitam meletakkan jawatan tersebut," katanya.

Menurut sumber itu lagi, kerana Ghafar tidak mempunyai sokongan akar umbi yang kuat, tiada pula usaha untuk berbuat sesuatu mengenainya, akhirnya Ghafar tumbang kepada Anwar.

"Oleh itu, wajarlah bagi Khairy berusaha untuk mewujudkan rangkaian sokongan yang padu, yang amat penting bagi Pak Lah mentadbir Umno dan mentadbir negara," kata sumber itu lagi.

Kerana itu juga, tambahnya, ada sesetengah pihak yang menyifatkan Khairy umpama "lilin yang membakar dirinya untuk menerangi orang lain."

### **Kisah Hang Nadim**

Manakala sesetengah pihak lagi, katanya, menyifatkan Khairy sebagai Hang Nadim yang

dikisahkan dalam dongeng Melayu, yang berjaya menyelamatkan Singapura ketika dilanggar todak.

"Rakyat dikerah menjadi benteng untuk menahan serangan todak dan semua terkorban. Hang Nadim yang berusia 10 tahun kemudian mencadangkan kepada Raja Singapura supaya menggunakan batang pisang sebagai kubu menahan serangan ikan todak.

"Baginda telah memuji kebijaksanaan Hang Nadim itu, lalu menjemputnya ke istana untuk diberi anugerah. Tetapi kebanyakan pembesar tidak suka dengan Hang Nadim kerana bimbang bila besar nanti dia akan merampas kuasa baginda," katanya.

Ekoran itu, katanya, ketika Hang Nadim yang datang ke istana untuk menerima anugerah, baginda mengarahkan kanak-kanak itu dibunuh.

"Bagi sesetengah pihak, ia hanyalah satu kisah dongeng, tetapi ia sebenarnya kaya dengan yang tersurat dan tersirat. Oleh itu, Khairy perlu berhati-hati dalam langkah politiknya. Tersilap langkah, beliau mungkin menerima nasib yang sama seperti Hang Nadim," tambahnya.

Mungkin itu mewakili pandangan satu pihak mengenai Khairy. Tetapi ada yang menganggap tindak-tanduk Khairy itu umpama "sambil menyelam minum air" untuk kepentingan masa depannya dalam arena politik tanahair.

Kerana itulah bagi sesetengah pihak, Khairy dilihat sebagai seorang yang bercita-cita tinggi, termasuk mahu menjadi orang yang paling muda menjadi Perdana Menteri.

Lantaran itu, setiap gerak-gerinya diikuti dan pastinya ketibaan pilihanraya umum dan pemilihan Umno yang akan datang, akan membuktikan sama ada pelbagai teori yang dibuat mengenai Khairy akan benar atau sebaliknya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/68867>